

Crystal UKM lahir generasi jurutera kreatif

PEMBELAJARAN melalui kaedah inovatif terutama dalam bidang sains dan kejuruteraan dilihat mampu melahirkan pelajar kreatif dalam melaksanakan sebarang tugas yang diberikan di samping menjadikan golongan tersebut lebih berdaya saing pada peringkat global.

Menyedari impak positif terhadap kaedah pembelajaran tersebut, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina serta Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat mewujudkan inisiatif Belia Kreatif Melalui Pembelajaran Inovatif atau Crystal sebagai langkah memupuk kreativiti pelajar sekolah menengah dan UKM.

Ketua Projek Crystal UKM, Prof. Madya Dr. Hafizah Husain berkata, projek yang dijalankan sejak tahun 2009 itu melatih pelajar UKM mengenai teknologi cip mikro pengawal yang sering digunakan dalam barangan elektrik dan

elektronik. Mereka kemudian akan dilantik menjadi mentor untuk memberikan latihan kepada pelajar sekolah yang mengambil bahagian.

"Projek ini berjalan selama enam hingga lapan bulan dan ia melibatkan beberapa fasa iaitu fasa satu atau pengenalan yang memberikan pendedahan praktikal kepada pelajar sekolah menggunakan modul mikro pengawal dalam litar automatik.

"Selepas itu, dalam fasa kedua pula pelajar dikehendaki mengenal pasti masalah dalam kehidupan harian untuk mencari idea reka cipta dan membentangkan kertas cadangan kepada mentor dan penasihat yang terdiri daripada pensyarah UKM sebelum membina prototaip dalam fasa ketiga," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Tambah Hafizah, kini projek tersebut telah berjaya membentuk lima kumpulan besar pelajar dari seluruh negara yang meliputi

**PROJEK Crystal UKM
melahirkan modal insan
kreatif dan berdaya saing.
- Gambar hiasan**

lebih 200 orang pelajar sekolah dan 150 pelajar UKM di samping menghasilkan lebih 50 produk inovasi hasil kreativiti murid sekolah berkenaan yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Selain itu, kejayaan paling membanggakan yang dapat dilihat hasil daripada pembangunan program berterusan tersebut antaranya produk reka cipta pelajar-pelajar sekolah berkenaan turut mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa.

"Terdapat beberapa produk yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar sekolah ini sudah mendapat pengiktirafan pada peringkat kebangsaan serta antarabangsa



dan terbaharu, ciptaan pelajar Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur iaitu sistem tempat letak kereta orang kurang upaya mendapat dua pingat emas dalam pertandingan World Innovation Invention 2015 di Seoul, Korea Selatan.

"Berdasarkan impak serta peningkatan kompetensi pelajar sekolah dan UKM yang diperoleh, program ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka membentuk pemikiran inovatif dan kreatif dalam minda mereka," ujarnya.